

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO**  
**MALAYSIA DAN PERGERAKAN WANITA UMNO MALAYSIA**  
**DI DEWAN MERDEKA PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR**  
**10 MEI 2000**

-----

` MEMPERKUKUH KEYAKINAN BANGSA `

Assalamualaikum w.w.

Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Tetap Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia

Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Tetap Pergerakan Wanita UMNO Malaysia

Pemangku Ketua Pergerakan dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia

Ketua Pergerakan dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pergerakan Wanita UMNO Malaysia.

Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah binti Mohd. Ali

Naib Presiden - Naib Presiden, Setiausaha Agong, Bendahari Agong dan Ahli-Ahli Majlis Tertinggi UMNO.

Dif-dif jemputan

Para Pemimpin UMNO di berbagai peringkat

Bekas-bekas Pemimpin UMNO

Para perwakilan dan pemerhati ke Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita UMNO Malaysia.

MUKADIMAH

Segala pujian diucapkan ke hadrat Allah swt kerana dengan limpah rahmat Nya, sekali lagi kita dipertemukan di dalam Perhimpunan Agung Tahunan Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita UMNO Malaysia. Selawat dan salam kepada junjungan besar kita Nabi Muhamad s.a.w. Kepada Allah swt kita lafazkan kalimah setinggi-tinggi kesyukuran kerana dengan kuasa dan iradat Nya, UMNO genap mencapai usia 54 tahun sejak ditubuhkan pada 11 Mei 1946. Sewajarnya sebagai memperingati jasa dan khidmat para pengasas dan pendukung perjuangan UMNO yang telah kembali ke rahmatullah, kita sama-sama mendoakan semoga roh kesemua mereka berada di kalangan para solehin. Marilah kita sama-sama membacakan suratul Al- Fatihah, semoga pahala dari bacaannya diterima oleh Allah swt dan ganjarannya disampaikan kepada roh-roh Allahyarham ibu-bapa kita, para ulama dan guru-guru dan para pengasas dan pendukung UMNO yang telah kembali ke rahmatullah. Al-Fatihah.

## PILIHANRAYA

Saudara-saudari,

Pilihan raya kali ke sepuluh sejak negara mencapai kemerdekaan telah berlangsung pada 29 November 1999 dalam semangat yang mencerminkan bahawa amalan demokrasi di negara kita masih utuh dan terus dapat dipertahankan. Setiap pihak sama ada parti-parti politik, calon-calon yang bertanding, Suruhanjaya Pilihan Raya, pelbagai jentera kerajaan, pasukan keselamatan, dan orang-orang perseorangan telah berusaha untuk memelihara kestabilan negara demi menjamin kuasa pemerintahan awam dapat diteruskan. Saya berterima kasih kepada semua pihak yang terlibat dan setiap warga Malaysia yang mendukung prinsip keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang untuk memastikan proses pemilihan Kerajaan berlandaskan semangat demokrasi tidak terganggu.

Saya merakamkan setinggi penghargaan kepada ahli-ahli UMNO yang telah bekerja dengan cecal untuk memastikan kejayaan BARISAN NASIONAL di dalam pilihan raya yang telah berlangsung itu. Saya berbangga melihat komitmen ahli-ahli UMNO hingga kita beroleh kejayaan untuk terus dapat menubuhkan kerajaan sekali lagi. Saya menghargai sikap yang dipamerkan oleh ahli-ahli UMNO yang telah tidak dicalonkan semula di dalam pilihan raya lalu, namun telah membuktikan kesetiaan kepada parti dengan memberikan sokongan padu kepada calon-calon yang dipilih menggantikan mereka.

Saudara saudari,

Perhimpunan UMNO kali ini tentunya mendapat perhatian banyak pihak dari dalam dan luar negara. Perhatian yang tidak terbatas di kalangan ahli-ahli UMNO malah dari bangsa Melayu, parti-parti komponen dalam BARISAN NASIONAL, parti-parti pembangkang, rakyat keseluruhan, dan para pelabur. Setiap pihak yang berminat dengan negara kita untuk apa tujuan sekalipun akan mengikuti secara rapi riak dan kocak politik negara di atas fahaman mereka bahawa hala tuju dan program pembangunan negara selama ini dipelopori oleh UMNO.

Pilihan raya yang baru berlangsung telah mengubah pola penguasaan politik di dalam negara kita. Kita bersyukur kerana BARISAN NASIONAL terus dapat berkuasa menerajui Kerajaan Pusat dengan kelebihan dua pertiga majoriti. Namun dua buah kerajaan negeri dikuasai oleh PAS. Bagi kawasan yang dimenangi oleh BARISAN NASIONAL, kelebihan undi calon-calon BARISAN NASIONAL terutama di kawasan-kawasan majoriti pengundi Melayu mula menurun dan merosot.

Realiti ini tidak membolehkan kita leka di lamun mimpi kejayaan walaupun kita masih berkuasa dan dapat menubuhkan kerajaan. Pola pengundian di kalangan pengundi Melayu wajar dilihat sebagai loceng amaran bahawa pengaruh UMNO mula tercabar. Realiti ini menuntut kita berfikir secara serius supaya dapat mengenal pasti punca kelemahan hingga UMNO kini telah kurang mendapat kepercayaan dari bangsa kita sendiri terutama dari kalangan generasi muda.

Pilihan raya 1999 turut memperlihatkan penyebaran fitnah secara meluas. Penerimaan sesuatu berita tidak lagi diasaskan kepada fakta tetapi melalui manipulasi penyampaian hingga dapat mempengaruhi sentimen dan emosi rakyat. Keadaan ini menuntut supaya UMNO bertindak pantas dan tegas secara bijaksana memerangi gejala fitnah yang sedang berleluasa meracuni fikiran rakyat. Rangka

kerja berkesan perlu diatur untuk dilaksanakan secara bersungguh supaya persepsi rakyat dapat diperbetulkan dan fikiran rakyat dapat dirasionalkan.

## KESINAMBUNGAN UMNO

Saudara saudari,

Kemerosotan prestasi UMNO di lukis sebagai kejayaan besar pembangkang. Kelemahan UMNO telah memberi kekuatan kepada pembangkang. Kelebihan undi yang kelihatan memihak kepada pembangkang digembang gemburkan sebagai tanda UMNO akan berkubur. Parti-parti pembangkang secara megah membuat pengisytiharan akan menawan satu demi satu negeri berpandukan teori domino. Namun pembangkang disedarkan dari mimpi oleh rakyat di Sanggang. UMNO tidak serapuh dan semudah itu untuk dikuburkan. Untuk itu kita mengucapkan terima kasih kepada rakyat di Sanggang yang telah membuat keputusan memberikan semangat baru kepada UMNO. Calon UMNO bukan sahaja menang dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Sanggang, tetapi menang dengan majoriti bertambah sebanyak 89%. Kita mengucapkan berbilang terima kasih dan memberi setinggi-tinggi penghargaan kepada parti-parti komponen Barisan Nasional yang telah membantu untuk kemenangan calon dari UMNO, iaitu calon Barisan Nasional.

Kemenangan calon UMNO di Sanggang membuktikan bahawa UMNO boleh mencapai kejayaan besar sekiranya terdapat kesungguhan, kerja kuat serta perpaduan yang tulen di kalangan ahli. Kejayaan UMNO dicapai melalui kelancaran jentera parti yang tersusun kemas hingga membolehkan mesej perjuangan dapat disampaikan secara berkesan. Saudara saudari, jadikan pendekatan kerja sewaktu menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Sanggang sebagai titik mula untuk kita memulihkan keyakinan rakyat kepada UMNO. Jadikan kemenangan UMNO di Sanggang sebagai detik kebangkitan tekad UMNO untuk mengembalikan keyakinan dan memperbaharukan semangat. Jadikan kemenangan UMNO di Sanggang sebagai tanda menyingsing fajar yang menyedarkan rakyat dari buaian dusta pihak pembangkang. Jadikan kemenangan UMNO di Sanggang sebagai gerakan untuk kita menyeberangi dan menawan semula Terengganu dan Kelantan.

10. Demi kesinambungan UMNO untuk terus memperjuangkan kepentingan bangsa, negara dan agama, kita perlu mengenal pasti punca kelemahan dan sumber kekuatan organisasi. Langkah bersungguh perlu diambil supaya kewibawaan parti dapat dipulihkan, maruah bangsa dapat dipertahankan, kehormatan sebuah negara merdeka terus didaulatkan dan kesucian agama Islam terus dimuliakan. UMNO harus berani mengaku kelemahan sendiri. UMNO harus belajar dari kesilapan. Sikap mencari kesalahan pihak lain tanpa bersedia mengakui kesilapan sendiri adalah amalan sombong dan takbur. Bagi kita yang berpegang kepada ajaran Islam maha suci, kita wajib menerima dugaan ini sebagai peringatan dari Allah swt. Peringatan dari Allah swt untuk menyedarkan kita supaya tidak menyimpang dari tujuan asas penubuhan UMNO. UMNO yang ditubuhkan sebagai satu gagasan telah menyatupadukan bangsa untuk memperjuangkan kemerdekaan negara, memartabatkan bangsa dan menegakkan syiar Islam.

UMNO telah melaksanakan pelbagai reformasi untuk meningkatkan keupayaan dan kebolehan bangsa. Kejayaan yang dicapai oleh anak-anak bangsa adalah hasil daripada titik peluh perjuangan orang-orang tua kita. Anak-anak yang lahir selepas negara mencapai kemerdekaan dan selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru telah diberi peluang dan kesempatan yang lebih bermutu, luas dan terbuka. Mereka kini

menjadi anak-anak bangsa yang telah berjaya, memiliki ilmu, menguasai kemahiran dan menjawat pelbagai jawatan. Mereka lebih berupaya untuk memberi sumbangan kepada kemajuan bangsa dan negara.

Tetapi dalam kejayaan melahirkan generasi muda Melayu yang berjaya, UMNO menghadapi penentangan dari golongan generasi muda Melayu. Mengapakah ini boleh berlaku? Dimanakah silap kita? Kebanyakan mereka yang menentang kita berada dalam generasi usia para pemuda. Kita hendaklah melihat fenomena ini sebagai satu cabaran yang perlu ditangani. Fahamilah aspirasi dan masalah mereka. Dekatilah mereka. Bukalah pintu UMNO seluas-luasnya dan bawalah mereka ke dalam organisasi kita.

#### `SURVIVAL' BANGSA

Saudara saudari,

Bangsa Melayu telah melalui pelbagai dugaan dan cabaran. Selama 446 tahun di bawah belunggu penjajahan bangsa Melayu disisirkan sehingga tidak ada langsung peranan menentukan untung nasib masa hadapannya. Majoriti bangsa Melayu tinggal di kawasan pedalaman yang serba mundur. Bangsa Melayu miskin harta dan modal, `hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang', dengan pemakanan tidak seimbang, diserang pelbagai wabak, malaria, untut, cacing kerawit, batuk kering, beri-beri dan pelbagai penyakit tanpa mendapat kemudahan rawatan perubatan moden. Bangsa Melayu mengalami kadar keguguran serta kadar kematian ibu dan bayi yang tinggi. Bangsa Melayu lahir dan dewasa dalam environmen yang tidak menawarkan cukup rangsangan untuk membolehkan mereka menjadi bangsa pintar dan berilmu. Mereka berada dalam keadaan buta huruf, miskin ilmu dan tidak mengenal teknologi. Bangsa Melayu tidak mendapat keistimewaan sebagai peribumi di tanah airnya malah lebih banyak ditindas dan menjadi mangsa diskriminasi kuasa penjajah.

Lalu bangsa Melayu menjadi terlalu merendah diri dan hilang keyakinan diri. Sebahagian besar bangsa Melayu mengalah dan menerima hukum alam bahawa rezeki se cupak tidak mungkin jadi se gantang. Bangsa Melayu dicemuh sebagai melukat di tepi gantang yang kehadirannya tidak membawa erti. Bangsa Melayu digambarkan berdiri tidak sama tinggi, memiliki kail se jengkal yang tidak upaya mengharungi lautan dalam. Negaranya kaya namun hasilnya dikaut orang - lalu bangsa Melayu hidup umpama ayam di kepek yang senantiasa kelaparan - itik di air yang senantiasa kehausan. Watak-watak Melayu dipersendakan dengan Pak Kadok, Pak Pandir, Lebai Malang, Si Luncai dan Mat Jenin.

Saudara Saudari,

Alhamdulillah, di sebalik segala kekurangan dan cemuhan, bangsa Melayu terus `survive' malah dapat mempertahankan identiti, adat resam, bahasa dan budayanya. Menyedari bahawa perpaduan bangsa adalah penting untuk `survival' dan berpegang semangat `bersatu teguh - bercerai roboh', bangsa Melayu bertekad membina ikatan perpaduan hingga menjadi satu bangsa yang bersatu. Bangsa Melayu sedar bahawa perpaduan akan memberikan kekuatan untuk bangsa memiliki kuasa politik. Melalui kuasa politik, nasib bangsa dapat dibela.

Perpaduan bangsa Melayu telah menyuntikkan semangat keyakinan untuk bersuara dan menggerak perjuangan yang lebih besar, bermula dari menentang Malayan

Union, menubuh UMNO, menuntut kemerdekaan, mentadbir negaranya sendiri, menegakkan syiar Islam, mempertahankan institusi Raja, memperjuangkan kedudukan istimewa bumiputera, membawa kepada penggubalan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, lalu melonjak dengan Wawasan 2020 untuk menjadikan negaranya sebuah negara maju. Nyatalah kelahiran Parti Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO adalah manifestasi yang menyahut aspirasi dan seruan untuk menyatukan bangsa yang sebelum itu di pecah perintah mengikut negeri, daerah dan keturunan. Seluruh bangsa Melayu bersatu dalam gerakan nasional yang mula menyemarakkan rasa bangga Melayu sebagai satu bangsa berjiwa besar.

Sejak mencapai kemerdekaan, negara dan bangsa tidak sunyi menghadapi cabaran dari dalam dan luar negara. Ancaman Komunis secara ideologi dan ketenteraan, konfrontasi dengan negara jiran, pergaduhan kaum, kejatuhan harga bahan primari yang ketika itu menjadi sumber utama ekonomi, kemelesetan ekonomi di awal lapan puluhan, krisis kepimpinan di dalam parti dan krisis kewangan 1997. Semuanya telah dapat diatasi kerana bangsa teguh bersatu dan menjadi semakin bersatu dalam menghadapi dugaan dan krisis.

Bangsa Melayu terselamat, cekal berpadu dengan ikatan ukhuwah yang diperkukuhkan oleh agama Islam. Kita bangun dan terus bangun lalu muncul kemudiannya sebagai bangsa yang lebih kuat dan gagah - bersatu dan berpadu. Malah kekuatan perpaduan yang dimiliki oleh bangsa Melayu itu menjadi tunjang kepada pengintegrasian kaum di negara ini yang membolehkan rakyat hidup dengan harmoni dalam suasana politik yang stabil. Kestabilan politik, membolehkan Kerajaan menumpukan usaha kepada program pembangunan sosial dan ekonomi yang dapat dilaksanakan dengan jaya.

Saudara saudari,

Pada saat bangsa patut teguh bersatu dalam menghadapi pelbagai cabaran baru dunia, bangsa Melayu mula menunjukkan tanda-tanda keretakan. Bangsa Melayu sudah mula mahu bersengketa, berbalah dan berpecah. Perpaduan yang telah dibina kini mahu digugat. Agama Islam yang berperanan sebagai pengukuh perpaduan ummah, kini dijadikan alat oleh kumpulan politik pembangkang untuk merobohkan perpaduan melalui tafsiran Islam yang bercanggah dengan akidah.

Sayugia diingatkan bahawa perpaduan bangsa tidak harus digadai. Kekuatan bangsa Melayu dari segi bilangan dan nisbah, penguasaan ilmu dan kemahiran, serta milik harta dan modal, hendaklah di lihat dalam konteks jumlah keseluruhan penduduk negara dan dunia. Bangsa Melayu belum cukup kuat dan tidak boleh di pecah belahkan. Oleh itu, tindak tanduk dari mana-mana pihak yang boleh menggugat perpaduan bangsa kerana cita-cita sempit politik kumpulan, adalah satu perbuatan khianat. Perbuatan khianat ini jika dibiarkan berterusan pastinya akan menghancurkan bangsa Melayu di bumi ini. Adalah menjadi satu tuntutan yang wajib untuk bangsa Melayu disedarkan supaya dapat membaca ancaman yang sedang melanda ini secara matang. Sewajarnya perbuatan yang merosak ikatan perpaduan bangsa ini di tegah secara tegas dari menular luas.

MENGHADAPI ABAD KE 21

Saudara-saudari,

Kita hidup bukan sekadar untuk hidup. Tidak ada ertinya hidup kalau di bawah

telunjuk orang. Apa erti hidup jika dibelenggu kemiskinan, kejahilan dan kemunduran. Apa erti hidup merempat. Hidup Melayu biar bermartabat. Hidup memberi erti kalau kita berjaya, berdaya maju dan mampu berdikari. Kita merdeka dan mencipta kemajuan kerana kita bersatu dan bermuafakat. Kita perlu menghargai nilai merdeka dan kita juga perlu menghargai kejayaan yang telah kita capai. Jika kita mahu terus maju kita mesti mempereratkan perpaduan dan memperkukuhkan muafakat. Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat. Janganlah kita rongkaikan muafakat yang sudah terikat kerana bercakaran sesama sendiri.

Bangsa Melayu telah menunjukkan kejayaan di alaf lalu. Insya-Allah bangsa Melayu akan terus berjaya di alaf baru. Kini kita sedang menghadapi era globalisasi. Era globalisasi membawa negara dan bangsa melalui proses pengantarabangsaan. Dunia menjadi semakin kecil berikutan inovasi hebat dalam bidang telekomunikasi dan sistem pengangkutan yang semakin pantas. Dalam sebaran maklumat begitu luas tanpa tapisan, manusia perlu mempunyai kekuatan minda membuat analisis bijak untuk dapat membezakan antara kebenaran dengan kepalsuan. Pertahanan negara yang tidak lagi bergantung kepada kekuatan jasmani semakin menuntut kepada kekuatan pertahanan dalaman dan rohani. Kuasa dunia akan datang menjadi lebih bergantung kepada penguasaan ilmu. Kejayaan akan dimiliki oleh mereka yang menguasai pengetahuan. Penguasaan ilmu berperanan besar untuk menentukan penguasaan politik. Oleh itu Pemuda dan Wanita UMNO perlu memperbanyakkan program-program yang dapat membina warga berilmu di kalangan anak bangsa.

Zaman bagi bangsa Melayu menyerah kepada nasib dan mengharapkan pertolongan tanpa usaha kini berlalu. Pemikiran bangsa Melayu sewajarnya ditumpukan ke arah menerokai ilmu. Bangsa Melayu wajib berlumba dan bersaing untuk menguasai ilmu secara bersungguh termasuk menguasai bahasa-bahasa utama perantaraan ilmu. Program pendidikan komprehensif perlu dikendalikan secara bijak. Prasarana fizikal dengan perbelanjaan besar belum pasti dapat menjamin penguasaan ilmu. Kandungan ilmu, kecenderungan menguasai ilmu, rasa cinta terhadap ilmu dan penyelidikan berterusan terhadap ilmu harus dijadikan agenda utama dalam pendekatan penyampaian ilmu. Para pendidik dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab membangunkan warga berilmu perlu bersifat jujur dan bersikap profesional berpandukan objektif dan misi besar nasional. Pusat-pusat pendidikan adalah tempat pencetusan ilmu dan pendewasaan minda. Jauhilah pusat-pusat ini dari menjadi tapak menjalankan kegiatan-kegiatan yang tidak mencerminkan ciri-ciri keilmuan.

Bangsa Melayu tidak harus gentar mengharungi gelombang era baru ini sekiranya mempunyai cukup persediaan. Di pihak kerajaan, persiapan prasarana telah disediakan bagi menghadapi cabaran ini. Koridor Raya Multimedia adalah langkah awal Kerajaan menyediakan prasarana bagi memenuhi permintaan dan keperluan era teknologi maklumat. Yang lebih penting adalah penglibatan rakyat dari bangsa Melayu untuk mengambil pendekatan bijaksana supaya rancangan pembangunan berasaskan pengetahuan turut dinikmati demi menjamin agihan kekayaan negara yang seimbang dapat berlaku.

Era maklumat menyediakan peluang kepada setiap individu yang memiliki sifat-sifat kepintaran, kepantasan, dorongan, kreatif dan inovatif. Justeru itu orang-orang Melayu hendaklah meningkatkan keupayaan dan menambahkan kebolehan mereka untuk merebut peluang-peluang baru yang begitu luas terbuka. Kita yakin melalui dasar dan program yang telah dirangka oleh UMNO semenjak diberikan amanah menerajui pimpinan politik negara, kita telah dapat melahirkan bangsa Melayu yang

memiliki taraf keyakinan yang tinggi dengan tahap kebolehserapan tinggi.

Dalam tempoh setengah abad UMNO yang menerajui Kerajaan Perikatan pada mulanya dan BARISAN NASIONAL kemudiannya telah merencanakan secara berkesan usaha-usaha pembangunan dari segi fizikal dan sumber manusia. Kejayaan itu telah melahirkan warga dengan semangat dan keupayaan 'Malaysia Boleh'. Bangsa Melayu pula yang dahulunya bimbang kepada perubahan dan gentar menghadapi cabaran kini telah berubah sikap menjadi Melayu waja lagi berani. Bangsa Melayu telah berjaya mencipta pencapaian demi pencapaian gemilang di pelbagai bidang. Melayu sekarang lebih sanggup bekerja kuat, lebih sedia mengharungi cabaran besar dan lebih berupaya mencipta pelbagai kejayaan. Keyakinan Melayu telah terbina. Jika 'Malaysia Boleh' - "Melayu Boleh"

## PEMUDA DAN WANITA

Saudara Saudari,

Peningkatan keupayaan dan pertambahan kebolehan telah membuka horizon baru yang lebih luas. Horizon lebih luas mengilhamkan aspirasi dan harapan baru terutama di kalangan generasi muda. Aspirasi dan harapan baru mendorong generasi muda bersifat lebih kritis terhadap status quo sedia ada. Pandangan kritis generasi muda memberikan suntikan idea dinamik kepada negara. Idea yang baik akan mendatang manfaat jika disalurkan melalui forum yang bertamadun secara sopan dan beradab supaya idea baik itu tidak terpinggir di tepi-tepi jalan sematamata.

Sesungguhnya generasi muda mampu menyuarakan pandangan dan mencetuskan idea untuk membantu usaha membangunkan negara. Saya tertarik apabila satu kongres nasional 'K- Ekonomi' khusus untuk warga Malaysia di bawah usia 35 tahun telah di anjurkan oleh Kementerian Kewangan melalui ISIS. Saya percaya Kongres yang di adakan itu telah dapat memberi peluang kepada golongan muda terlibat secara langsung dalam usaha merangka pelan induk K- Ekonomi nasional.

Di samping itu saya berbangga berkesempatan menghadiri Kongres Profesional Melayu Muda. Kongres tersebut berjaya menghimpunkan bilangan profesional Melayu membincang dan melahirkan idea berhubung 'survival' bangsa. Peserta Kongres menyedari cabaran yang dihadapi oleh bangsa Melayu terutamanya dalam menghadapi proses globalisasi. Diilhamkan ungkapan 'Takkan hilang Melayu di dunia' mereka berpandangan bahawa mentaliti subsidi sudah terlalu lama membelenggu pemikiran bangsa. Telah tiba masa bagi bangsa dipersiapkan berani meninggalkan tabiat terlalu bergantung bantuan kerajaan. Peserta Kongres berikrar membawa bangsa ke tahap kemajuan lebih cemerlang melalui kerja kuat dan daya usaha sendiri membina kejayaan. Para graduan kelulusan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) yang menganjurkan Kongres tersebut merupakan bukti kepada hasil kejayaan program Dasar Ekonomi Baru di samping membuktikan keupayaan MRSM mengeluarkan graduan-graduaan Melayu berkualiti - dididik dan dilatih hingga berupaya berdiri gagah menghadapi persaingan dunia. Kepada generasi muda ini kita akan mewariskan negara yang telah terbina. Kepada generasi muda kita mewariskan tanggungjawab meneruskan 'survival' bangsa.

Wanita dicipta oleh Allah swt seiring dengan lelaki. Wanita berperanan penting sejak sejarah penciptaan manusia. Dalam era moden yang semakin kurang bergantung kepada tenaga fizikal, wanita telah menunjukkan keupayaan menyaingi malah

mengatasi kaum lelaki. Kini wanita Malaysia dan lebih membanggakan wanita Melayu, berupaya menjawat jawatan-jawatan penting dalam negara begitu juga di peringkat antarabangsa. Wanita Melayu Malaysia telah diberi pengiktirafan menjadi Ketua-Ketua Kementerian dan Jabatan, Hakim, Peguam Cara negara, pakar angkasa, saintis, Penolong Setiausaha Agung di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dan berbagai lagi. Pelantikan Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz sebagai Governor Bank Negara merupakan rekod baru pencapaian wanita yang membanggakan. Hanya masa akan menentukan untuk wanita Malaysia mengisi jawatan-jawatan penting lain dalam perkhidmatan awam dan swasta serta di badan-badan antarabangsa. Ini membuktikan bahawa UMNO mengamalkan prinsip demokrasi yang adil dan tidak melaksanakan amalan diskriminasi jantina kepada umat manusia di bumi Allah. Dasar UMNO yang mengiktiraf kebolehan dan keupayaan wanita, telah membuka peluang kepada mereka untuk memenuhi tanggung jawab fardu kifayah yang lebih bermakna.

## UMNO DALAM ERA BARU

Saudara-saudari,

Era baru membawa cabaran baru yang memerlukan pendekatan baru. Keraguan terhadap keikhlasan perjuangan kita kepada bangsa, negara dan agama akan menjejaskan penerimaan rakyat terhadap kita. Adalah menjadi tanggung jawab kita memastikan UMNO memelihara tujuan utama penubuhannya untuk menyatu padukan bangsa bagi kepentingan bangsa, negara dan agama. Hanya melalui perpaduan bangsa kita akan terus dapat membina sebuah negara berbilang kaum, budaya dan agama yang bersatu dan harmoni, maju dan makmur; diuruskan oleh sistem pemerintahan awam dan dapat membangunkan ekonomi secara moden. Hanya dalam persekitaran alam politik yang stabil kita dapat mengagihkan sumber-sumber negara untuk memenuhi keperluan harian rakyat di samping membangunkan prasarana mega bertaraf dunia.

Dasar Ekonomi Baru yang diterajui oleh UMNO dengan matlamat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat telah membuahkan kejayaan. Mereka yang telah berjaya melalui dasar tersebut haruslah mengambil tanggungjawab melonjakkan kejayaan bangsa. Mereka yang telah berjaya wajib merancang dan membuat sesuatu untuk bangsanya. Mereka yang telah berjaya sebenarnya berhutang kepada bangsanya yang wajib dibayar melalui usaha-usaha yang berjaya untuk pengagihan peluang dan kekayaan kepada bangsanya. Mereka yang telah mendapat nikmat dari pelaksanaan dasar tersebut sewajarnya menjadi pemangkin untuk memesatkan lagi pembangunan bangsa. Individu Melayu tidak boleh memikirkan kejayaan dirinya sahaja tanpa memberikan sumbangan untuk sama-sama memajukan bangsanya. Mereka yang dahulu menerima nikmat haruslah kini bersedia untuk memberinya.

Sedarlah, kita hari ini lebih bertuah jika dibandingkan dengan kedudukan orang-orang tua kita semasa mereka giat memperjuangkan nasib bangsa melalui UMNO. Kita bertuah kerana mempunyai pelbagai kemudahan untuk memudahkan kita memberi sumbangan yang lebih besar dan lebih bererti bagi memenuhi perjuangan Parti. Ingatlah betapa susahnyanya orang-orang tua kita semasa mereka bertungkus-lumus menjayakan perjuangan bangsa. Mereka menghadapi segala kekurangan umpamanya dari segi kenderaan, alat-alat komunikasi, mahupun wang Ringgit, juga tempat mesyuarat dan tempat-tempat penginapan semasa menghadiri Perhimpunan Agung UMNO. Oleh itu, pastikanlah tiap seorang daripada kita dengan keupayaan



dan kemudahan yang ada sekarang dapat pula memberi sumbangan yang lebih besar dan lebih bermutu ke arah melonjakkan perjuangan kita bagi mencapai tahap martabat bangsa yang lebih tinggi - mencapai matlamat Wawasan 2020.

Saudara saudari,

Orang-orang Melayu kini berada dalam proses transisi budaya dari masyarakat desa tani kepada masyarakat bandar teknokrat. Peralihan itu adalah hasil dari kejayaan usaha-usaha pembangunan yang di bawa oleh UMNO. Bilangan penduduk desa kini semakin kecil. Masyarakat desa juga sedang melalui peralihan budaya sosial dan ekonomi yang akan mempengaruhi budaya politik mereka. Program-program UMNO secara bijaksana dan berkesan perlu di fikirkan supaya akan terus terangkai perkongsian bestari di antara rakyat dan parti yang selama ini menjadi asas kekuatan UMNO. UMNO hendaklah menjadi sebuah organisasi yang dapat menawarkan khidmat bagi membantu semua lapisan rakyat. UMNO wajib melaksanakan program-program atas nama parti yang dapat dikenal sebagai program yang dilaksanakan oleh UMNO selain dari program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

UMNO bukan sebuah parti elitis untuk kumpulan atasan semata-mata. Kekuatan UMNO datang dari rakyat biasa bawahan, dari kalangan petani, nelayan, peniaga kecil, kakitangan rendah kerajaan. Kembalilah kepada mereka. Dampinglah mereka. Menangilah hati mereka. Bawalah mereka bersama kita. Berkongsilah kemewahan yang ada dengan mereka. Tanamlah rasa kasih, sayang, menghargai dan menghormati mereka. Mereka adalah akar kekuatan kepada bangsa kita. Merekalah selama hari ini penyokong setia kita yang mungkin kini mula terasa berjauhan hati.

Kita harus yakinkan mereka bahawa masa hadapan UMNO dan bangsa Melayu tidak harus dipergadaikan kerana tujuan sempit. UMNO tidak ditubuhkan sebagai laluan kecil dan singkat untuk membawa beberapa individu mendapat jawatan dan kekayaan. UMNO adalah sebuah lebuhraya lebar dan panjang untuk laluan lebih besar membawa bangsa melintasi zaman dan menerokai masa, menuju mercu kegemilangan. UMNO adalah organisasi bangsa - satu perkampungan umat Melayu dari pelbagai latar belakang sosial, pendidikan, ekonomi, pekerjaan dan usia. UMNO adalah forum yang membolehkan orang muda melahirkan idealisme dan orang dewasa menurunkan pengalaman. UMNO adalah institusi yang membolehkan pemikir mencetuskan ilham dan pelaksana merealisasikannya. UMNO adalah tempat bagi yang berada sedia menghulur dan bagi yang tiada dapat dibantu. UMNO adalah saluran untuk teguran diberikan perhatian dan nasihat dijadikan panduan. UMNO adalah persaudaraan yang merangkaikan talian ukhuwah sejati sesama bangsa. Inilah rupa bentuk dan wadah yang patut kita pupuk dan jadikan budaya di dalam UMNO.

UMNO tetap bersama Barisan Nasional. UMNO tetap mengiktiraf dan mengamalkan muafakat Barisan Nasional dan perkongsian kuasa dalam kerajaan demi masa depan Malaysia. Generasi muda kita perlu mempertahankan dan memperteguhkan Barisan Nasional sebagai wadah perjuangan Bangsa Malaysia.

Generasi muda berperanan besar untuk menentukan kelangsungan penerimaan UMNO dari segi organisasi dan perjuangan. Pimpinan muda yang dilahirkan selepas merdeka dan dewasa selepas Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan perlu memahami, menyelami, mendalami dan menghayati denyut jantung dan denyut nadi bangsanya. Kenalilah mereka, kunjungilah mereka, dampingilah mereka dan menangilah hati

mereka bukan dengan mempamerkan kemegahan kebendaan tetapi dengan tutur dan bahasa, sopan dan santun anak Melayu yang kenal akan akal dan budi, penuh beradab dan kaya beradab. Melayu dan Islam tidak boleh dipisahkan dengan UMNO. Kembalilah kepada bangsamu dan berpeganglah kepada amalan agama mu.

## ISLAM

Saudara saudari,

UMNO telah di tohmah sebagai sebuah gerakan perkauman `Asabiah'. Tomahan tersebut adalah muslihat yang sengaja dilakukan oleh musuh-musuh UMNO. Sebagai sebuah organisasi yang mengutamakan dan menegakkan keadilan, UMNO telah membuktikan amalan yang memenuhi ajaran Islam. UMNO telah membuktikan bukan sahaja menerima kehadiran kaum-kaum lain yang bukan seagama malah mengiktiraf peranan mereka dan bersedia menjalinkan rangkaian kerjasama sejak memperjuangkan kemerdekaan hinggalah kepada memenuhi agenda pembangunan.

UMNO bukan parti bersifat `Asabiah'. Kita telah mempelopori gagasan persaudaraan sejagat, dengan merangkaikan hubungan dan menghulurkan bantuan kepada umat Islam di peringkat antara bangsa baik yang berada di negara Islam mahupun yang bermastautin di bawah pemerintahan bukan Islam. Pimpinan negara kita yang diterajui oleh UMNO telah merintis penubuhan organisasi negara Islam bermula dari Persidangan Menteri-Menteri Luar Islam di Kuala Lumpur dalam tahun 1968. Kita juga telah merintis penubuhan Bank Pembangunan Islam (Islamic Development Bank) dan Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Kita amat peka terhadap nasib kebanyakan negara Islam yang masih berada dalam kumpulan negara membangun. Kita mempelopori rangkaian kerjasama supaya negara-negara dan umat Islam di seluruh dunia mempunyai pengaruh lebih berkesan dalam sebarang tindakan dan rundingan. Kita terus mempelopori kerjasama dalam pelbagai bidang untuk meningkatkan daya pengeluaran dan menerokai potensi yang ada di kalangan lebih satu bilion umat Islam di seluruh dunia.

UMNO bukan gerakan sekular. Fahaman sekularisme tidak langsung mengaitkan hubungan agama dengan dunia. UMNO tidak pernah memisahkan agama dari perjuangannya. Menegakkan syiar Islam menjadi salah satu tunggak perjuangan UMNO dan Islam terbukti diberikan kemuliaan sebaik sahaja UMNO memperoleh kuasa politik. Pemimpin dan ahli-ahli UMNO menyedari bahawa manusia dicipta oleh Allah swt untuk beribadat kepadaNya. Manusia dijadikan Allah untuk menjadi hamba dan khalifah Allah swt. Sebagai khalifah Allah, manusia bertanggung jawab mengurus dan memakmurkan alam menurut keredaan Illahi. Islam sebagai `Addin' - menuntut kepada budaya hidup yang lengkap lagi sempurna, agar memenuhi tuntutan duniawi dan ukhrawi seperti terkandung dalam ayat 77 Surah Al-Qasas,

"Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagian) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) duniawi dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerosakan di (muka) bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakkan."

Kerana itu rangka kerja UMNO adalah berpaksikan kepada niat untuk membawa kebaikan dengan memahami dan memenuhi tuntutan fardu ain dan tanggung jawab fardu kifayah. Surah Al-A'raaf ayat 56 memperingatkan kita di antaranya,

"Dan janganlah kamu berbuat kerosakkan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan kepadanya, dan berdoa kepadaNya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terharap-harap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya"

Saya amat mengalu-alukan kebangkitan Islam. Alhamdulillah. UMNO selama ini secara berhikmah dan teratur dengan memahami tanggungjawab terhadap agama telah menyediakan prasarana untuk membolehkan kebangkitan Islam berlaku secara berkesan di negara kita. Tanggunjawab menyemarakkan Islam adalah tanggungjawab setiap umat. Tetapi saya amat kesal dan kecewa melihat adanya beberapa golongan umat Islam, kerana agenda sempit dan taksu mereka telah mengambil kesempatan mengeksploitasi semangat dan harapan umat dengan menyebarkan ajaran yang meretakkan perpaduan serta menimbulkan kebencian sesama orang Islam. Penyebaran ajaran mereka dilakukan dengan begitu taksu. Sesungguhnya tindakan mereka mencemarkan kebangkitan Islam. Kerana itu saya bersedia berada di barisan hadapan bersama-sama saudara saudari menentang kumpulan ini.

Saya memberi pengakuan untuk terus mempelopori usaha-usaha memuliakan syiar Islam melalui pendekatan memperkukuhkan umat Islam menguasai ilmu, kemahiran dan ekonomi di samping mengisi hati nurani mereka dengan iman dan takwa. Kerana itu, saya senantiasa menyuarakan supaya pintu ijtihad terus dibuka. Meneruskan ijtihad adalah satu keperluan supaya umat Islam akan mendapat panduan berterusan dalam menghadapi cabaran baru pembangunan terutama sekali dalam aspek pendidikan, perundangan, hubungan antarabangsa, kewangan, perdagangan, perbankan, insurans, sains, teknologi dan sebagainya. Umat Islam mesti bersedia mengiktiraf dan menerima kesahihan ijtihad sezaman. UMNO tetap berusaha memuliakan Islam sebagai satu ajaran yang membentuk kehidupan ummah secara menyeluruh dalam memenuhi tuntutan fardu ain dan fardu kifayah. UMNO tetap mengutamakan kebangkitan Islam dari segi kandungan dan tidak sekadar pada nama dan bentuk supaya Islam dihormati sebagai agama yang membawa kemajuan.

Agenda Islam tetap diperteguh untuk memberi kekuatan dalaman kepada UMNO baik diperingkat organisasi mahupun perseorangan. Agama Islam berkembang dengan pendekatan hikmah dan tarbiyah atau pendidikan melalui dakwah secara berhikmah. Islam menilai kemuliaan seseorang berasaskan iman, kesucian hati dan takwa. Ulama Islam memiliki sifat-sifat mulia, berilmu, bersopan dan berhikmah tinggi. Islam menyeru kepada perpaduan. Allah swt berfirman melalui Ayat 103 Surah Ali Imraan;

"Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai berai, dan ingatlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu dahulu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah), maka Allah menyatukan di antara hati kamu lalu menjadilah kamu kerana nikmat Allah orang-orang yang bersaudara;"

Islam melarang perpecahan. Ayat-ayat tersebut menunjukkan Allah mewajibkan kita membina perpaduan dan memeliharanya supaya umat Islam menjadi kukuh dan kuat. Politik PAS yang memecahkan perpaduan ummah adalah perbuatan mudarat yang wajib kita tentang. Jika kegiatan-kegiatan politik negatif PAS tidak dihentikan kita percaya Islam akan tercemar dan orang-orang bukan Islam tidak boleh menerima bahawa Islam itu membawa ajaran baik. Program politik PAS merupakan

perbuatan jenayah ke atas Islam yang menjejaskan keharmonian ummah. Oleh itu, menghentikan PAS dari meneruskan jenayah ini adalah satu tindakan yang wajib dilaksanakan.

## MENOLAK POLITIK WANG

Saudara-saudari,

Pada tahun ini UMNO sekali lagi melalui proses pemilihan pemimpin di peringkat Majlis Tertinggi, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita. Izinkan saya di perhimpunan ini mendapat penghormatan awal melafazkan ucap tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Hishammuddin Tun Hussein kerana telah menerima bilangan pencalonan yang membolehkan beliau mengambil tanggung jawab Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia. Saudara Hisham, hormatilah kepercayaan tersebut dengan melaksanakan tanggung jawab secara amanah, jujur, ikhlas dan adil. Kita doakan semoga Pergerakan Pemuda UMNO di bawah pimpinan Yang Berhormat Datuk Hishammuddin akan dapat menarik keyakinan lebih ramai generasi muda menyertai perjuangan kita.

Saya mengalu-alukan calon-calon yang menawarkan diri untuk memenuhi tanggung jawab kepimpinan di pelbagai peringkat baik di dalam Majlis Tertinggi, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita. Kita pohon doa semoga proses pemilihan kepimpinan parti dapat dilaksanakan dalam suasana demokrasi yang terbuka bersandarkan semangat persaudaraan sesama Islam dan sesama Parti - UMNO. Semoga yang berjaya dan yang kurang berjaya akan mengekalkan semangat persaudaraan separti dan sebangsa. Jangan terlalu berebut senduk, hinggakan nasi tumpah ke tanah - kiambang adalah kiambang, biduk berlalu bertautlah semula.

Proses pemilihan pemimpin bukan satu pertandingan memilih jaguh atau ratu cantik. Kejayaan calon yang bertanding bukan untuk kemenangan peribadi atau kumpulan. Yang lebih penting adalah memastikan keputusan pemilihan dapat memberikan kemenangan kepada UMNO dengan mengemukakan barisan pemimpin yang dihormati, yang memiliki moral yang bersih, bersifat amanah dan cekap bekerja. Ingatlah UMNO akan dinilai oleh rakyat sekali lagi dalam pilihan raya umum akan datang. Pilihlah barisan pemimpin yang dapat membawa UMNO mencapai kejayaan lebih gemilang.

Kejayaan dan kelangsungan UMNO dalam arena politik nasional bergantung kepada keyakinan rakyat terhadap barisan kepimpinan kita. Ahli-ahli UMNO perlu sedar bahawa kecemerlangan dan kegemilangan UMNO sebagai satu wadah perjuangan bangsa bergantung kepada kepimpinan yang cekap, berkesan, padu dan mantap dengan membawa misi dan visi jelas lagi unggul berpaksikan bangsa dan berteraskan Islam. Kejayaan UMNO bergantung kepada komitmen dan dedikasi pemimpin yang mengutamakan kepentingan parti mengatasi kepentingan diri.

Seringkali disuarakan bantahan kita terhadap amalan politik wang. Waktu pemilihan adalah ujian untuk menentukan sama ada cakap dan amal adalah selari. Jika ahli-ahli UMNO bersungguh mahu memerangi politik wang, inilah masa untuk kita buktikan bahawa asas pemilihan barisan kepimpinan tidak terpengaruh sama sekali dengan sogokkan wang Ringgit. UMNO tidak membenarkan amalan rasuah menjadi ketumbuhan yang membunuh organisasi kita. UMNO tidak mungkin berjaya membanteras rasuah jika pemimpin yang mengamalkan budaya sogokkan diberikan tempat dalam pimpinan parti. Orang yang memberi rasuah adalah orang yang juga

akan mengambil rasuah apabila mereka diberikan kuasa.

Jauhkan kita dari terlibat dalam kegiatan yang boleh menghancurkan UMNO kerana rasuah. Janganlah nafsu tamak dan haloba godaan iblis dibenarkan beraja di hati kita, hingga bangsa sanggup kita korbakan. Jika kita tidak dapat mengawal nafsu bagaimanakah kita mahu memimpin rakyat, parti dan negara. Kepada Allah yang maha berkuasa lagi maha mengetahui kita pohon untuk dapat memberikan kekuatan supaya UMNO dianugerahkan barisan kepimpinan yang bersifat bersih, amanah, beriman dan bertakwa. Saya menyeru setiap perwakilan yang mempunyai kuasa mengundi yang memegang amanah bangsa untuk menolak setegas-tegasnya manamana pihak yang mengamalkan budaya rasuah dari diberikan tempat di dalam kepimpinan parti kita.

Kepada Allah swt kita pohonkan doa semoga memberi petunjuk dan hidayah kepada setiap kita yang telah diberikan amanah memimpin supaya dapat melaksanakan tanggung jawab dengan adil dan saksama. Kepada Allah swt kita berdoa semoga melindungi kita dari melakukan kemungkaran dan kezaliman di bumi Allah. Kepada Allah kita pohonkan semoga negara kita dirahmati dan dijauhkan dari segala bencana dan mala petaka. Kepada Allah kita pohonkan semoga bangsa kita dipadukan dengan kekuatan iman dan taqwa.

Surah Al-Asr mengingatkan kita; -

"Demi masa!; Sesungguhnya manusia itu berada dalam kerugian; Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal salih, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan- pesan dengan sabar."

Dengan pandangan, huraian dan harapan, marilah kita sama- sama berdoa dengan membaca umul kitab, sambil memohon keberkatan dan keredhaan Illahi. Al-Fatihah. Dengan kebesaran dan keberkatan kalimah `Bismillahirrahmanirahim' saya rasmikan Perhimpunan Pergerakan Pemuda UMNO dan Perhimpunan Pergerakan Wanita UMNO TAHUN 2000.

**BERSATU! BERSEDIA! BERKHIDMAT! HIDUP UMNO! HIDUP MELAYU! MERDEKA!**